

Sekolah menengah agama lengkap Datuk Musa: Banyak lagi akan dibina

KUALA LUMPUR, Rabu — Lebih banyak lagi sekolah menengah agama lengkap dengan kemudahan moden akan dibina bagi membolehkan lepasannya meneruskan pelajaran dalam semua lapangan profesion di peringkat pengajian tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, Kerajaan Persekutuan juga mengadakan per-

bincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengambil alih sekolah-sekolah menengah agama masing-masing supaya Kementerian Pelajaran dapat mengemaskinikannya setaraf dengan sekolah-sekolah menengah lain.

Datuk Musa yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata demikian dalam majlis dialog dengan lebih 100 orang peserta khemah kerja bella Islam antarabangsa di bilik taklimat, Jabatan Perda-

na Menteri di sini hari ini.

Sehingga ini 12 buah sekolah menengah agama itu diserahkan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran.

Bellau berkata, usaha-usaha melengkapkan lebih banyak lagi sukatan pelajaran agama di sekolah rendah hingga ke peringkat universiti sedang diambil.

Datuk Musa berkata, kerajaan juga sedang bergiat untuk mempertingkatkan lagi syiar Islam di negara ini sejajar dengan kedudukan dalam perlembagaan sebagai agama rasmi negara.

Beliau memberitahu bella-bella tersebut, kerajaan tidak pernah memaksa penganut-penganut agama lain memeluk agama Islam, sebaliknya mereka dibenarkan mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Mereka yang memeluk agama Islam, adalah atas kerelaan hati masing-masing, katanya.

Taklimat

Dalam segi pentadbiran negara pula, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang membuat kajian terperinci bagi mengadakan pentadbiran bercorak Islam baik di bidang pembangunan mahu pun dalam lapangan sosial.

Sebuah jawatankuasa perunding telah ditubuhkan bagi mengkaji perkara tersebut berdasarkan maklum balas dari cerdek pandai Islam dan pihak lain yang tertentu.

Sebelum itu, Pengarah Pelajaran Islam Kementerian Pelajaran, Dr. Abdul Majid memberi taklimat berkenaan sistem pelajaran agama di negara ini.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid dan Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Mohamed Saifian Abdul Majis. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia